



JOSUE masih mengharapkan isu tunggakan gaji bersama KL City dapat diselesaikan untuk memulakan musim baharu.

Hanya Selangor pilihan Josue ada

SELANGOR menjadi satu-satunya pasukan yang mungkin akan disertai kapten Kuala Lumpur City, Paulo Josue sekiranya ber-cadang mencari angin baharu.

Bagaimanapun, pemain naturalisasi negara itu bersedia untuk kekal dan akui masih lagi 'beri muka' kepada KL City untuk menyelesaikan isu tunggakan gaji yang sedang menghimpit pasukan.

"Saya ada terima tawaran daripada beberapa kelab di Malaysia, namun saya masih lagi ada kontrak dengan KL City. Ejen saya masih lagi bekerja dan membuat analisa tawaran berkenaan.

"Tetapi, secara asasnya saya tidak akan keluar daripada Kuala Lumpur (Lembah Klang). Gaji terakhir adalah pada September dan sejak daripada itu saya masih lagi menunggu pengurusan selesai semuanya.

"Saya ada bercakap dengan

beberapa orang (pengurusan) dan mereka kini sedang bekerja keras untuk urusan kewangan bagi selesaikan semua tunggakan," katanya.

Sebelum ini, Presiden Per-satuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Abdul Samad menjelaskan permasalahan tunggakan gaji berlaku ekoran pengurangan dana yang disalurkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada RM10 juta kepada RM5 juta.

Untuk itu, KLFA dikatakan mahu menjual kelab Liga M3, Kuala Lumpur (KL) Rovers bagi mendapatkan dana untuk melunaskan segala tunggakan.

"Saya harap pengurusan dapat bina pasukan yang bagus untuk bersaing. Sudah pasti mereka perlu cari bajet mencukupi untuk memenuhi tuntutan daripada jurulatih dan penyokong," kata Josue.